

Sokongan Sosial dan Pengertian Hidup Orang Asli Kampung Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan

Nurul Huda Zainal Abidin¹, Farrah Wahida Mustafar², Faudziah Yusof³

¹(Jabatan usuluddin, KolejUniversiti Islam Sultan Zainal Azlan Shah, Malaysia)

²(Jabatan Warisan, Kolej Universiti Islam Melaka, Malaysia)

³(Jabatan Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka, Malaysia)

ABSTRAK : Masyarakat Orang Asli merupakan satu entiti masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh negara di Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini masih mengekal dan mementingkan sikap kerjasama antara satu sama lain. Namun mereka masih memerlukan sokongan sosial bagi meneruskan kehidupan. Sokongan sosial sering difahami sebagai bermaksud pengalaman yang berkaitan penghargaan, perhatian dan kasih sayang. Kajian ini telah dijalankan di Kampung Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan. Seramai 53 orang (24 lelaki dan 29 perempuan) telah terlibat sebagai responden kajian. Data diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli sekitar Sungai Lui

Kata Kunci – Sokongan Sosial, Pengertian Hidup, Orang Asli

I. PENGENALAN

Istilah Orang Asli telah mewujudkan gelaran primitif dan rendah dari segi mentalitinya berbanding masyarakat nasional lain. Pelbagai prasangka wujud terhadap mereka. Menurut Hasan Mat Nor (2002), penulis awal Eropah telah menggambarkan bahawa Orang Asli sebagai ‘...*Human beings in their degraded form, without religion, without any acknowledged form of government and only gifted with animal instincts and poisons. When found caught by the Malays, they are tied up or caged just as we would treat chimpanzees...*’ (Sherard Osborn 1857).

Walaupun komuniti ini diberi gambaran yang pelbagai, masyarakat peribumi termasuk Orang Asli hidup aman (Hood Salleh 2004). Dari sudut orientasi politik, meskipun terdapat golongan yang realistik dan prihatin terhadap pembangunan, tentu juga timbul keadaan di mana kurang memahami kedudukan sebenar masyarakat ini. Kebanyakan daripada mereka pula berdiam diri menerima apa jua perubahan yang dikenakan ke atas mereka.

Menurut Asnarulkhadi (2005), kumpulan komuniti atau pengguna minoriti dibezakan dengan kumpulan majoriti atas sifat fizikal dan juga ciri-ciri sosiobudaya mereka seperti bahasa, adat resam dan asal keturunan seperti komuniti Portugis dan Baba-Nyonya di Melaka atau komuniti Sikh; suku atau klan seperti Hakka; anutan atau kepercayaan agama seperti penganut agama Bahai; atau ras seperti Semai, Negrito, Senoi dan sebagainya yang lebih dikenali sebagai Orang Asli. Ahli sosiologi telah menakrifkan maksud komuniti melewati batasan sifat fizikal atau sosisobudayanya apabila sering menyifatkan kumpulan minoriti sebagai agregat manusia yang kurang atau tidak mempunyai kuasa atas kehidupan mereka berbanding kumpulan majoriti yang lebih mendapat tumpuan dalam pembangunan.

Isu orang asli kebanyakannya dibahas dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi dengan tujuan sebagai suatu langkah dan usaha untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi dan sosial masyarakat Orang Asli. Sosioekonomi merupakan istilah yang dikaitkan dengan melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi (Kamus Dewan 2010). Pembangunan sosio-ekonomi merupakan satu proses berhubungkait antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial sesebuah

komuniti. Proses ini melibatkan penggunaan teori-teori dan metod daripada pelbagai disiplin ilmu seperti sosiologi, ekonomi, sejarah, psikologi, pembangunan dan sebagainya. Walaubagaimanapun, dalam kebanyakan kajian atau penelitian yang berkaitan sosio-ekonomi memfokus kepada impak sosial yang terhasil daripada perubahan aspek ekonomi.

Dalam Rancangan Malaysia ke Lapan mencatatkan Orang Asli sebagai masyarakat paling miskin dengan kadar kemiskinan dianggarkan sebanyak 50.9 peratus dan kadar kemiskinan sebanyak 15.4% (Malaysia 2001). Kadar ini dilihat dalam konteks ekonomi sebagai ukuran keadaan kehidupan Orang Asli iaitu melalui kajian kualiti hidup atau pendekatan kemiskinan manusia. Sen (1985) mentakrifkan pendekatan kualiti hidup adalah gabungan dari pelbagai kefungsiian termasuk kefungsiian fizikal dan sosial. Kefungsiian tersebut merupakan pencapaian seseorang iaitu apa yang ia berupaya untuk lakukan. Ini bermaksud kemiskinan manusia adalah sebagai kegagalan untuk mencapai keupayaan asas manusia pada tahap minimum. Narayan et al. (2000) mengatakan pendekatan kualiti hidup mengambilkira aspek kesejahteraan kebendaan, kesejahteraan badan, kesejahteraan sosial, keselamatan, kebebasan memilih dan tindakan serta kesejahteraan psikologi sebagai elemen yang menentukan kualiti hidup manusia.

Kajian dalam konteks psikologi kurang dijalankan pada Orang Asli namun banyak kajian telah dijalankan dalam bidang antropologi dan sosiologi. Sokongan sosial dan pengertian hidup dilihat suatu perkara yang penting dalam kesejahteraan dan pembangunan diri seseorang. Justeru pengkajian ini dilihat dapat menyumbang kepada pembangunan diri individu sekaligus memberi impak kepada komuniti. Terdapat pelbagai kajian terhadap Orang Asli bagi memenuhi keperluan dan kebajikan mereka terutama dalam skop pembangunan, kesihatan, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Keciciran dalam pendidikan yang berterusan menjadikan komuniti ini tidak berlaku perubahan walaupun pihak berwajib seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah menyediakan program pembangunan diri dan komuniti. Justeru dalam konteks pembangunan negara, keciciran dalam pendidikan bagi masyarakat Orang Asli dapat ditafsirkan sebagai satu kerugian kepada negara kerana mereka yang tercicir ini gagal dibentuk untuk menjadi tenaga masyarakat yang berguna dan bernilai yang berupaya menyumbang kepada usaha membangunkan masyarakat maju dan berkebolehan.

Menurut pengkaji, kajian mengenai Orang Asli ini perlu diberi tumpuan. Oleh yang demikian, tujuan utama kajian adalah untuk melihat hubungan antara sokongan sosial dan pengertian hidup. Sokongan sosial bermaksud pengalaman yang berkaitan penghargaan, perhatian dan kasih sayang (Gurung 2006). Sokongan sosial ini menyumbang kepada perkembangan positif dalam kalangan individu (Oswald & Suss, 1994). Sokongan, penerimaan dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan ahli masyarakat adalah penting bagi membantu Orang Asli bergabung dengan komuniti majoriti. Hal ini kerana, terdapat segelintir masyarakat yang meminggirkan komuniti ini.

G. Dunn (2010) menyatakan sokongan sosial adalah berkait rapat dengan pengertian kehidupan seharian. Dalam erti kata lain, seseorang itu mempunyai makna hidup yang lebih baik sekiranya menerima sokongan sosial dari masyarakat sekeliling dan beliau menegaskan bahawa seseorang yang memiliki pengertian hidup yang tinggi secara positifnya akan memperoleh keseronokan dalam hidup. Menurut Ryff dan Singer (1998), pengertian hidup adalah berkaitan dengan perkembangan individu yang juga berkait rapat dengan proses-proses lain seperti perkembangan identiti, hubungan sosial dan matlamat. Di mana, erti hidup ini memerlukan manusia untuk memahami, memberi maksud atau melihat kepentingan dalam hidup mereka.

Oleh itu, makna dalam hidup boleh dianggap penting yang perlu dicapai oleh setiap individu. Dalam usaha untuk mencapainya sokongan sosial dan pengertian hidup perlu diperolehi individu. Dalam konteks kajian ini, sokongan sosial adalah penentu kepada makna dalam hidup. Justeru, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu:-

1. Mengukur hubungan sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli.
2. Mengukur perbezaan sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli berdasarkan demografi.

II. METODOLOGI

2.1 Sampel Kajian

Kajian ini telah dijalankan dalam kalangan Orang Asli Kampung Sungai Lui, Negeri Sembilan. Orang Asli di Kampung Sungai Lui, Jempol merupakan suku Semelai dari puak Melayu Proto yang terdapat di salah sebuah penempatan kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Terdapat 48 buah keluarga di lokasi tersebut dengan jumlah 380 penduduk.

Seramai 24 orang (45.3%) lelaki dan 29 orang (54.7%) perempuan penduduk Orang Asli telah terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Berdasarkan jumlah tersebut, empat orang (7.5%) adalah beragama Islam dan selebihnya 49 orang (92.5%) adalah pengamal animisme. Sampel dalam kajian ini juga berumur antara 10 tahun sehingga 40 tahun ke atas. Bagi kategori pencapaian akademik pula, seramai 35 orang (66.0%) adalah berkelulusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), tujuh orang (13.2%) adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 11 orang (20.8%) adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

2.2 Prosedur dan Alat Kajian

Kajian ini telah melibatkan persampelan bertujuan bagi proses pengumpulan sampel di Kampung Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan. Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji pada 28 Mac 2015. Pengkaji terlebih dahulu membuat perbincangan dengan Ketua Kampung Sungai Lui bagi menetapkan tarikh perjumpaan bersama penduduk setempat. Ketua Kampung juga turut menyatakan segala maklumat berkaitan dengan penduduk Orang Asli seperti hari dan tempat pengumpulan sampel kajian kepada pengkaji.

Sampel dalam kajian ini menjawab soal selidik yang diberikan dengan bantuan pengkaji dan beberapa orang enumerator. Kebanyakan dari mereka memerlukan bantuan dari pengkaji untuk membaca dan memahami soal selidik. Oleh itu, pengkaji telah membacakan setiap item dalam bahagian yang telah disediakan bagi penduduk Orang Asli yang memerlukan. Jika terdapat item atau soalan yang tidak difahami, pengkaji akan menerangkan dengan terperinci agar memudahkan mereka untuk memilih jawapan yang tepat dengan diri sendiri.

Soal selidik dalam kajian ini merangkumi tiga bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang Orang Asli. Antara soalan-soalan yang ditanya merangkumi jantina, bangsa, umur, pencapaian akademik dan agama.

Soal selidik piawai *The Meaning in Life Questionnaire* (Steger, Frazier, Oishi dan Kaler 2004) pula telah digunakan bagi mengukur pengertian hidup dalam bahagian B. Skala berbentuk Likert tujuh pilihan jawapan telah digunakan di dalam soal selidik ini. Ianya dikadarkan dengan pilihan jawapan daripada sangat tidak tepat sehingga sangat tepat. Kehadiran soal selidik pengertian hidup ini adalah berkenaan dengan pengertian hidup yang dirasakan atau dialami oleh seseorang secara subjektif dan orientasi yang mendorong seseorang untuk mencari pengertian dalam hidupnya.

Soal selidik piawai *Inventory of Social Support Behavior Scale* (Berreva 1980) merupakan soal selidik yang digunakan bagi melihat sokongan sosial dalam bahagian C. Soal selidik ini mengandungi 20 item seperti “Ada orang akan melegakan perasaan anda bila perasaan anda terganggu” dan “Ada orang akan memastikan ada mengikut nasihatnya”. Soal selidik ini dikadarkan daripada sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

III. KEPUTUSAN KAJIAN

3.1 Kebolehpercayaan Soal Selidik

Menurut Mohd Majid Konting (1990), pekali kebolehpercayaan yang lebih dari .60 boleh digunakan di dalam kajian. Kebolehpercayaan dalam kajian ini diuji dengan menggunakan pekali alfa Cronbach. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh alat ujian *The Meaning in Life Questionnaire* dalam kajian ini ialah .600. Manakala, nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik *Inventory of Social Support Behavior*

Scale pula ialah .700. Kedua-dua alat ujian yang digunakan dalam kajian memperoleh nilai kebolehppercayaan melebihi .60. Maka, ianya sah dan sesuai digunakan dalam kajian.

3.2 Pembahagian Tahap Sokongan Sosial Orang Asli berdasarkan Skor Pemarkatan

Jumlah skor pemarkatan	Darjah penerimaan sokongan sosial	Bilangan (%)
20 – 53	Rendah	4 (7.5)
54 – 87	Sederhana	46 (86.8)
88 – 100	Tinggi	3 (5.7%)

Hasil mendapati bahawa seramai empat (7.5%) Orang Asli berada pada tahap penerimaan sokongan sosial yang rendah. Tahap sokongan sosial sederhana pula mencatat bilangan seramai 46 orang (86.8%). Pada tahap terakhir iaitu tinggi, bilangan sampel adalah seramai tiga orang ((5.7%). Kebanyakan Orang Asli menerima tahap sokongan sosial yang sederhana berbanding rendah dan tinggi.

3.3 Pembahagian Tahap Pengertian Hidup Orang Asli berdasarkan Skor Pemarkatan

Jumlah skor pemarkatan	Tahap pengertian hidup	Bilangan (%)
10- 23	Rendah	0 (0%)
24 – 46	Sederhana	21 (39.6%)
47 – 70	Tinggi	32 (60.4%)

Hasil analisis terhadap tahap pengertian hidup mendapati bahawa kebanyakan Orang Asli berada pada tahap sederhana dan tinggi. Pada tahap sederhana jumlah Orang Asli adalah sebanyak 21 orang (39.6%), manakala tahap tinggi pula adalah sebanyak 32 orang (60.4%). Keadaan ini menunjukkan bahawa, mereka mempunyai makna dan tujuan dalam kehidupan seharian. Walaupun mereka boleh dikategorikan sebagai golongan terpinggir di Malaysia, tujuan dan makna hidup jelas terbukti wujud di dalam diri masing-masing.

3.4 Hubungan antara Sokongan Sosial dan Pengertian Hidup Orang Asli

Pembolehubah	Pengertian Hidup
Sokongan Sosial	.408**

Kaedah korelasi telah digunakan bagi menguji pembolehubah sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli. Keputusan analisis menunjukkan nilai pekali korelasi adalah .408 ($r = .408$) dan nilai kebarangkalian .002. Hasil ini menunjukkan bahawa sokongan sosial yang diperoleh Orang Asli mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pengertian hidup ($r(53) = .408, k < .05$). Ini membawa maksud Orang Asli sangat memerlukan sokongan sosial agar mereka akan memperoleh pengertian dalam hidup.

3.5 Perbezaan Sokongan Sosial berdasarkan Faktor Demografi Orang Asli

3.5.1 Perbezaan Sokongan Sosial berdasarkan Jantina Orang Asli

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	dk	Sig
Lelaki	24	69.7083	13.61418	2.026	51	.048
Perempuan	29	75.6552	7.33522			

Hasil ujian t bagi pembolehubah di atas telah mendapati bahawa terdapat perbezaan sokongan sosial yang diterima oleh Orang Asli berdasarkan faktor jantina. Hasil menunjukkan bahawa nilai signifikan yang diperoleh adalah sebanyak 2.026. Nilai kebebasan pula ialah 51 dan nilai kebarangkalian ialah .048. Keadaan ini membawa maksud sokongan sosial antara penduduk lelaki dan perempuan adalah berbeza antara satu sama lain.

3.5.2 Perbezaan Sokongan Sosial berdasarkan Tahap Umur Orang Asli

	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	806.514	3	268.838	2.427	.077
Dalam kumpulan	5427.411	49	110.763		

Berdasarkan analisis anova bagi sokongan sosial dan umur Orang Asli, ianya mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara pembolehubah yang dikaji. Nilai statistik F yang diperolehi ialah 2.427 dengan nilai signifikan adalah .077. Nilai ini adalah melebihi aras signifikan .05. Keadaan ini membawa maksud tahap umur yang berbeza tidak membezakan setiap sampel kajian dari segi penerimaan sokongan sosial.

3.5.3 Perbezaan Sokongan Sosial berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik Orang Asli

	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	189.717	2	94.858	.785	.462
Dalam kumpulan	6044.208	50	120.884		

Analisis anova terakhir bagi sokongan sosial dan pencapaian akademik Orang Asli mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara kedua-dua pembolehubah yang dikaji. Nilai statistik F yang diperolehi ialah .785 dengan nilai signifikan adalah .462. Nilai ini adalah melebihi aras signifikan .05. Ianya dapat dijelaskan bahawa walaupun berbeza tahap pencapaian akademik di antara satu sama lain, namun penerimaan sokongan sosial adalah tetap sama.

3.6 Perbezaan Pengertian Hidup berdasarkan Faktor Demografi Orang Asli

3.6.1 Perbezaan Pengertian Hidup berdasarkan Jantina Orang Asli

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	dk	Sig
Lelaki	24	44.9583	9.81782	2.264	51	.028
Perempuan	29	49.7586	5.32283			

Hasil analisis dengan menggunakan ujian t mendapati bahawa pengertian hidup Orang Asli adalah berbeza mengikut faktor jantina. Hasil menunjukkan bahawa nilai signifikan yang diperolehi adalah sebanyak 2.264. Nilai kebebasan pula ialah 51 dan nilai kebarangkalian ialah .028. Keadaan ini membawa maksud pengertian hidup antara penduduk lelaki dan perempuan adalah berbeza antara satu sama lain.

3.6.2 Perbezaan Pengertian Hidup berdasarkan Tahap Umur Orang Asli

	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	270.832	3	90.277	1.454	.239
Dalam kumpulan	3042.036	49	62.082		

Hasil analisis seterusnya juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan pengertian hidup berdasarkan faktor umur Orang Asli. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah 1.454 dengan nilai signifikan yang diperolehi adalah sebanyak .239. Nilai ini didapati adalah melebihi aras signifikan .05. Keadaan ini dapat dinyatakan bahawa pada setiap peringkat umur Orang Asli, pengertian hidup adalah tidak berbeza di antara satu sama lain.

3.6.3 Perbezaan Pengertian Hidup berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik Orang Asli

	JKD	dk	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	67.284	2	33.642	.518	.599
Dalam kumpulan	3245.584	50	64.912		

Hasil analisis terakhir juga menyatakan bahawa pengertian hidup Orang Asli adalah tidak berbeza mengikut tahap pencapaian akademik. Walaupun sampel kajian terdiri dari pelbagai peringkat pendidikan, pengertian hidup antara satu sama lain adalah tidak berbeza. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F ialah .518 dengan nilai signifikan yang diperoleh adalah sebanyak .599. Nilai ini didapati adalah melebihi aras signifikan .05.

IV. PERBINCANGAN DAPATAN

Sokongan sosial dan pengertian hidup merupakan perkara yang penting dalam psikologi positif yang perlu dikaji kepada setiap individu. Kajian ini bertujuan untuk mengukur hubungan sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli. Hasil kajian mendapati Orang Asli sangat memerlukan sokongan sosial agar mereka akan memperoleh pengertian dalam hidup. Bertepatan dengan teori hierarki keperluan Maslow dalam Mohd. Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2003) mengatakan manusia akan bermotivasi untuk memenuhi keperluan yang paling kuat pada sesuatu masa tertentu mengikut pengalaman lalu atau keadaan di mana individu itu berada. Manusia itu merasa keperluan berhubung dengan orang lain atau bergaul dengan masyarakat termasuk dalam keperluan peringkat ketiga iaitu keperluan sosial. Dalam keperluan ini, individu ingin rasa dirinya sebagai salah seorang daripada masyarakat yang besar.

Menurut Pam Mc Grath (2008) masyarakat Orang Asli di Australia sangat menitikberatkan sokongan terhadap mereka apabila berhadapan dengan saat kematian. Nilai mengambil berat dikatakan sangat berkait rapat dengan adat resam dan budaya. Penglibatan keluarga dalam isu penjagaan akan mengurangkan rasa ketakutan masyarakat Orang Asli terhadap menghadapi saat kematian. Stoltz P, Wilman A, & Uden G. (2006) menyatakan ini merujuk kepada bagaimana perasaan bersama-sama ini menunjukkan cara Orang Asli menghargai keluarga mereka melalui sokongan ahli keluarga. Setiap individu memerlukan sokongan sosial dari keluarga, rakan dan komuniti. Sokongan sosial merupakan salah satu kaedah untuk terus bertahan dengan setiap masalah yang ada dan sebagai penyokong bagi menyelesaikan sebarang masalah. Menurut Schaefer, Coyne dan Lazarus (1981) terdapat lima jenis sokongan sosial iaitu sokongan emosi, sokongan penghargaan, sokongan dalam perhubungan, sokongan maklumat dan sokongan ketara.

Pengertian hidup biasanya difahami sebagai rasa kesepaduan atau kefahaman mengenai kewujudan, tujuan dalam hidup yang mengejar dan mencapai matlamat yang berfaedah serta perasaan untuk menyempurnakan segala keperluan (Man Yee Ho et. al. 2010). Frankl (2000) telah menjalankan pemerhatian ke atas individu dan mengatakan orang yang tiada pengertian dalam hidup akan meninggal dunia lebih awal berbanding orang yang mempunyai tujuan dalam hidup. Menurutnya lagi, tidak mempunyai pengertian dalam hidup juga boleh menyebabkan lemahnya menghadapi kesulitan, kemurungan, bunuh diri, tidak boleh berdikari dan kesejahteraan negatif.

Bagi meneruskan kelangsungan hidup, pengertian hidup dikatakan sebagai indikator yang penting bagi menguatkan mental dan fizikal seseorang. Sampel kajian menunjukkan terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan pengertian hidup. Seseorang yang tidak menerima sokongan sosial tidak dapat menjelaskan pengertian hidup dan tiada hala tuju dalam hidup. Situasi ini menunjukkan sokongan sosial yang seharusnya diterima oleh setiap individu akan memberikan penghargaan dan bersikap positif dalam hidupnya. Oleh itu, kestabilan mental, emosi dan spiritual akan mempengaruhi personaliti seseorang dalam mencapai kesejahteraan hidup mereka.

Definisi awal oleh Batten (1957) berkaitan penglibatan juga melihat ia sebagai usaha komuniti mengatur langkah sendiri mengambil tindakan secara kolektif terhadap masalah dan memenuhi keperluan yang mendesak. Antara tindakan anggota komuniti secara kolektif ialah

membangunkan diri, mengenalpasti masalah dan keperluan dan seterusnya cuba menangani masalah serta berusaha mendapatkan keperluan tersebut. Tindakan sosial ini mampu memberi kepuasan dan kesejahteraan kepada komuniti yang terlibat. Secara tidak langsung, satu usaha pembangunan komuniti yang berterusan dalam komuniti membolehkan ahli komuniti menguasai tindakan bagi memenuhi keperluan atau mengatasi masalah yang mana menerusi usaha ini mereka boleh berdikari dan berdayaupaya. Oleh itu, pendayaupayaan komuniti dapat dilihat sebagai satu proses melalui penglibatan.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa Orang Asli lelaki dan perempuan adalah berbeza antara satu sama lain dari aspek sokongan sosial. Golongan perempuan dibuktikan mempunyai penerimaan sokongan sosial melebihi lelaki. Hal ini kerana, sokongan sosial seseorang boleh memberi kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal. Dalam beberapa kajian menunjukkan bahawa pentingnya untuk memaparkan secara spesifik perbezaan antara kumpulan jantina atau gender (Gary T, Reker 2005). Marcia (1993) pula mengatakan kemungkinan terdapat perbezaan yang wujud antara peranan wanita dan lelaki adalah dari pembangunan identiti dan perkembangan sendiri. Justeru matlamat lelaki biasanya tertumpu kepada ideologi, kerjaya, dan wanita kebiasaannya berbeza kerana lebih mengarah kepada hubungan dan kekeluargaan. Ini adalah kerana perempuan dalam masyarakat orang Asli lebih kepada aktiviti seperti memasak, mendidik anak-anak, menjaga keperluan isi rumah dan pendidikan anak-anak. Mereka sering menjalankan komunikasi dengan orang sekeliling seperti jiran, rakan-rakan dan anak-anak. Keadaan ini menyebabkan mereka menerima pendedahan hubungan positif dengan orang sekeliling lebih baik berbanding dengan lelaki.

Hasil analisis yang terakhir ialah perbezaan tahap pencapaian akademik Orang Asli menunjukkan tidak mempengaruhi dalam penerimaan sokongan sosial dan pengertian hidup. Kajian yang dijalankan di Barat Australia telah mendapati, ramai pelajar orang asli yang meninggalkan alam persekolahan sebelum menamatkan pengajian. Keadaan ini adalah disebabkan tindakan mereka yang menganggap mengikut ibu bapa mencari hasil hutan adalah lebih baik dari alam persekolahan (Department of Western Education Australia 2002). Memandangkan struktur masyarakat Orang Asli hidup secara kolektif maka aspek pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam faktor keciciran pelajaran (Ahamad Rahim, Anuar bin Husin Hashim bin Mohamad) Kebanyakan penyelidikan menemukan bahawa terdapat tiga faktor asas berkaitan dengan latar belakang kanak-kanak yang mempengaruhi pencapaian pelajaran mereka iaitu pendapatan keluarga, pencapaian akademik ibu bapa dan status pekerjaan ibu bapa (Johari Talib & Nazri Muslim 2007). Antara faktor yang berkait rapat dengan masalah keciciran dan ketidakhadiran pelajar Orang Asli ke sekolah adalah lokasi tempat tinggal, masalah pengangkutan, persekitaran tempat tinggal, ekonomi keluarga, budaya dan sikap dan pengetahuan penjaga. Justeru program pemulihan khas diwujudkan bagi menyelesaikan masalah pendidikan Orang Asli. Bagi menjaga kepentingan Orang Asli dan meningkatkan pengertian hidup Orang Asli agar dapat memperbaiki kehidupan yang baik, telah lahir kesedaran dari pihak-pihak tertentu untuk melaksanakan program-program yang bersesuaian seperti Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya.

PENUTUP

Kajian berkaitan dengan sokongan sosial dan pengertian hidup Orang Asli perlu diperbanyakkan. Pengkaji juga merasakan ianya suatu topik yang menarik untuk dibincangkan. Kajian ini juga dapat membantu Orang Asli dengan mengenalpasti personaliti dan memberi pendedahan yang sewajarnya kepada mereka agar terus bermotivasi untuk pembangunan diri. Hasil kajian ini membuktikan bahawa kehadiran sokongan sosial terhadap Orang Asli akan menyebabkan mereka memahami erti kehidupan seharian dalam erti kata untuk pembangunan komuniti.

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi antaranya ialah pengkaji sukar mendapatkan sampel. Ini adalah kerana sampel berada di kawasan-kawasan pedalaman. Justeru pengkaji menyarankan perlunya bantuan dari pihak tertentu seperti JHEOA agar tiada sebarang permasalahan berlaku bagi mendapatkan serba sedikit pendedahan awal tentang lokasi dan populasi penduduk.

Antara limitasi lain yang dihadapi oleh pengkaji adalah masa yang terlalu lama yang diambil oleh sampel kajian kerana pengkaji perlu membacakan soalan kepada sampel. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan sampel tidak dapat memahami soalan yang diajukan dan memerlukan masa yang

agak lama bagi menerangkan kehendak soalan. Selain itu, kebanyakan dari mereka mempunyai masalah untuk berkomunikasi, ini adalah kerana mereka merasakan penyelidikan terdiri dari golongan bandar manakala mereka golongan kampung. Situasi tersebut menunjukkan masyarakat Orang Asli tidak berapa selesa untuk berinteraksi dengan orang luar atau orang asing. Walau bagaimanapun, lama-kelamaan mereka menjadi lebih selesa untuk berkongsi, malah ada responden yang meluahkan perasaan mengenai kehidupannya ketika soal-selidik diedarkan.

Oleh itu, peranan JHEOA yang merupakan agen pembangunan utama sangat jelas. JHEOA bertanggungjawab merancang dan menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Agensi pembangunan lain seperti RISDA, FELDA, FELCRA Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Pelajaran dan KEMAS turut berkerjasama membantu memantapkan usaha pembangunan diri dan masyarakat Orang Asli terutama dalam disiplin psikologi.

PENGHARGAAN

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan seluruh Orang Asli di Kampung Sungai Lui, Jempol terutama Tok Batin dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) yang turut membantu dan menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

JURNAL

- [1] Ahamad rahim, anuar husin & hashim mohamad. Hubungan faktor keluarga terhadap keciciran murid orang asli di SK tekir labu, negeri sembilan
- [2] Arpad Skrabski, Maria Kopp, sandor Rozsa, Janos Rethelyi & Richard H. Rahe. (2005). Life Meaning: An important correlate of health in the Hungarian population. *International Journal of Behavioral Medicine* 12 (2): 78-85.
- [3] Asnarulkhadi Abu Samah. (2005). Pendayaupayaan komuniti melalui penglibatan: Satu penilaian umum terhadap pembangunan komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, Vol. 2. Institut Sosial Malaysia.
- [4] Catherine Schaefer, James C. Coyne & Richard S. Lazarus. 1981. The health-related functions of social support. *Journal of Behavioral Medicine* 4 (4) : 381-406
- [5] Gary t. Reker. 2005. Meaning in life of young, middle-aged, and older adults: factorial validity, age, and gender invariance of the personal meaning index (PMI). www.sciencedirect.com. *Personality and individual differences* 38 (2005) 71-85
- [6] Johari talib & nazri muslim. Bagaimana kanak-kanak orang asli gagal di sekolah? Pusat pengajian umum, (2007) UKM. Hal 51-76 <http://www.ukm.my/jmalim>
- [7] McGrath P. (2008) Family care giving for Aboriginal peoples during end-of-life: Findings from the Northern Territory, *Journal of Rural and Tropical Public Health*, 7, 1-10.
- [8] Marianne G. Dunn & Karen M. O'Brien. (2009). Psychological health and meaning in life: stress, social support and religious coping in Latina/Latino Immigrants. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences* 31 (2) : 204-227.
- [9] Man Yee Ho, Fanny M. Cheung & Shu Fai Cheung. (2010). The role of meaning in life and optimism in promoting well-being. *Journal of Personality and Individual Differences* 48 (2010) : 658-663.
- [10] Marcia, J. E., Waterman, A. S., Matteson, D. R., Archer, S. L., & Orlofsky, J. L. (1993). Ego identity: A handbook for Reker,
- [11] G.T. (2005). Meaning in life of young, middle-aged, and older adults: Factorial validity, age and gender invariance of the Personal Meaning Index (PMI). *Personality and Individual Differences*, 38,71-85. psychosocial research. New York: Springer-Verlag.
- [12] Sen, A. K. (1985). Well-being, agency and freedom: the Dewey Lectures, *Journal of Philosophy*, 82(4), 169-221.
- [13] Stoltz P, Willman A, Uden G. (2006)The meaning of support as narrated by family carers who care for a senior relative at home, *Qualitative Health Research* 16,5:594-610.

BUKU

- [14] Batten, T.R. (1957). *Communities and Their Development*. London: Oxford University Press.R.
- [15] Frankl, V. E. (2000). *Man's search for meaning*. Boston: Beacon Press.
- [16] Gurung, R. A. R. (2006). *Health psychology: A cultural approach*. Belmont, CA: Thomson/Wadsworth.
- [17] Hasan Mat Nor. (2002). *Pendidikan dan Masa Depan Komuniti Orang Asli : Masyarakat dan Perubahan, Bangi: UKM*.
- [18] Hood Salleh. (2004). *Dunia peribumi dan alamsekitar: Langkah kehadapan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [19] Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [20] Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth Affairs. (2000a).
- [21] Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [22] Mohd. Hizam Hanafiah & Zafir Mohd Makhbul. 2003. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- [22] Narayan, D. et al. (2000) *Voices of the Poor: Can Anyone Hear Us?* Oxford: Oxford University Press.
- [23] Oswald & Suss (1994). The influence of parents and peers on misconduct at school: simultaneous and synergistic effects. In Silbereisen, R.K. & Todt, E. (Eds.), *Adolescence in Context: The Interplay of Family, School, Peers, and Work in Adjustment*. New York: Springer-Verlag Inc
- [24] Sherard Osborn. (1857). *My Journal in Malayan Waters; or, the Blockade of Quedah*. Routledge, Warne and Routledge, London 1857 (English)
- [25] The Economic Planning Unit (2001). *The Ninth Malaysian Plan 2001 - 2005*, Putrajaya: Department of Prime Minister.RI
- [26] *Achieving educational equality for Australia's Aboriginal and Torres Strait Islander Peoples*. Melbourne: MCEETYA Taskforce on Indigenous Education. Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth Affairs. (2000b). Report of MCEETYA Taskforce on Indigenous Education. Melbourne:MCEETYA.